

## PANDUAN PENGISIAN BORANG-BORANG KANUN TANAH NEGARA

1. Borang pindah milik (14A) dan borang – borang KTN yang **diisi dengan tulisan tangan** hendaklah menggunakan **PEN HITAM/BIRU-HITAM DAKWAT BASAH SAHAJA** (bukan pen bermata bulat (ballpen)/pen dakwat kering).
2. Borang–borang perlu **dicetak di atas kertas putih** menggunakan **dakwat hitam yang kekal dan tidak mudah pudar** (pengisian borang menggunakan mesin taip elektronik TIDAK DIBENARKAN).
3. Borang URUSNIAGA dan borang berkaitan pendaftaran yang dicetak perlu di dalam **bentuk A3** (lebar 420mm, panjang 297mm) dan **ketebalan kertas sekurang-kurangnya 70gsm**.
4. Sebarang **kesilapan tidak boleh dipotong** atau **dipadam** dengan menggunakan cecair pemadam (liquid paper).
5. Pengisian borang melibatkan syarikat yang menggunakan 'common seal' perlu ditandatangani menggunakan **pen hitam dakwat basah** manakala **individu perlu cap jari** dengan dakwat hitam.
6. Cetakan pada borang dalam **ukuran 2cm** di antara kiri dan kanan perlu **dikosongkan** dari sebarang catitan.
7. Borang yang telah lengkap diisi wajib **dicap jari (individu)** dan **ditandatangani (syarikat)** di hadapan ( penyaksian):
  - a. **Pentadbir Tanah** - **Untuk Tanah Simpanan Melayu**  
**Untuk Tanah Pegangan Bebas (*Free Hold*)**
  - b. **Peguam** - **Untuk Tanah Pegangan Bebas (Free Hold)**  
**Untuk Lot Melayu sahaja**
8. Borang yang **salah diisi/ditulis** hendaklah dibatalkan dengan sempurna supaya tidak menyebabkan tidak boleh dibaca dan ditandatangani ringkas oleh Pegawai Penyaksi (Pentadbir Tanah/Peguam). **TIADA PEMBETULAN, PEMOTONGAN** atau **PEMBATALAN** sesuatu pemasukan boleh dibuat dengan memadam perkataan atau angka yang menyebabkan pembetulan itu tidak boleh dibaca.